

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**  
**TARIKH : 22.3.2016 (SELASA)**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi menambah baik Skim Kawalan Harga Barang Musim Perayaan bagi tahun 2016 agar kuasa beli rakyat dapat dipertingkatkan ekoran ketidaktentuan ekonomi ketika ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi memperbaiki pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan dari masa ke semasa. Bagi tahun 2016 ini, Kementerian akan mengambil beberapa langkah tambahan agar rakyat dapat berbelanja tanpa tekanan kenaikan harga semasa menyambut musim perayaan. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- i) **Pemanjangan tempoh masa pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi tahun ini. Kementerian ini bercadang untuk menambah tempoh masa Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada kadar yang munasabah agar rakyat negara ini dapat membuat perbelanjaan dan bersedia bagi sambutan perayaan lebih awal. Pemanjangan tempoh masa ini juga dilihat selaras dengan permintaan khusus bagi perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai di mana rakyat Sabah dan Sarawak akan pulang ke kampung halaman lebih awal bagi sambutan perayaan ini. Dengan pemanjangan tempoh skim ini, mereka yang pulang awal akan dapat membuat perbelanjaan serta membeli barangan keperluan pada harga yang lebih munasabah.
- ii) Selain dari tempoh masa, Kementerian juga akan mengkaji bagi **memperkenalkan kategori barangan mengikut keperluan setempat** sepertimana yang telah dilaksanakan pada tahun 2015. Pada tahun lepas, Kementerian telah memperkenalkan kategori Ikan Tongkol atau dikenali sebagai "Ikan Aya" bagi sambutan perayaan Hari Raya Puasa di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Kita sedang meneruskan kajian bagi menganalpasti keperluan-keperluan sebegini bagi negeri-negeri lain. Pengenalan barangan setempat yang baharu seterusnya akan diumumkan menerusi Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai yang akan datang.

- iii) Pihak Kementerian juga sentiasa **melaksanakan pemeriksaan proaktif** bagi mengesan trend pergerakan harga sebelum pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Seramai 2,300 Pegawai Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan. Pemeriksaan ini bertujuan mencegah kenaikan harga secara drastik dan memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sebelum pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan. Pemeriksaan ini juga turut melibatkan kerjasama daripada Skuad Pengguna, Penghulu, Penggawa, Ketua Masyarakat dan Bbadan Bukan Kerajaan (NGO) yang bertindak untuk menyalurkan maklumat kepada Kementerian.